

SAYA TIDAK TUDUH PM KOMUNIS

Oleh:
DAUD HAJI IBRAHIM



TAPAH: "Saya tidak pernah menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai komunis," kata bekas Exco kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Haji Abdul Wahab Abu Bakar.

Apa yang nyata Pemuda UMNO telah tersalah tafsir terhadap ucapan saya," tambah beliau ketika menafikan laporan polis yang dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO mengenai perkara itu Jumaat lalu.

Pemuda UMNO yang diketuai oleh ahli Exco Pemuda Haji Padil Harun ketika membuat laporan itu berkata bahawa bekas senator itu mendakwa Perdana Menteri cuba menerapkan ideologi komunis terutama komunis Russia ke negara ini.

Sewaktu ditanya nama bekas Senator yang membuat tuduhan itu, Pemuda UMNO enggan memberitahu sebaliknya meminta wartawan bertanya kepada pihak polis.

Pihak polis juga tidak mahu menyatakan nama tersebut.

Watan telah berusaha mendapatkan nama

22 NOV 1988
-Wahab

bekas Exco Perak yang juga bekas senator itu dari beberapa sumber.

Sebaik saja mengetahui nama tersebut, Haji Abdul Wahab ketika dihubungi agak terperanjat apabila diberitahu Pergerakan Pemuda ada membuat laporan polis mengenai ucapannya di majlis sambutan maulidul rasul di sebuah rumah di Sungai Siput, Perak.

"Saya tidak pernah menuduh begitu," katanya sebagai menafikan dakwaan Pemuda UMNO itu.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Haji Abdul Wahab berkata, beliau hanya mengulas ucapan Timbalan Perdana Menteri, Abdul Ghafar Baba yang disifatkannya sebagai tidak wajar.

Beliau mendakwa, Timbalan Perdana Menteri, Abdul Ghafar Baba, ketika merasmikan Hari Koperasi Antarabangsa di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pernah berkata, jika di mana-mana orang Melayu berdoa dan doa itu pula terlalu banyak, yang mana satu Tuhan hendak kabulkan.

"Bukankah nada ini seolah-olah bukan dari Abdul Ghafar Baba tetapi nada orang yang cuba merendahkan Tuhan. Dan sebagai orang Islam, tidak mungkin perkataan seperti ini boleh keluar dari mulutnya," kata beliau.

22 NOV 1988
Haji Abdul Wahab yang juga bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tapah kesal dengan aduan yang dibuat oleh Exco Pergerakan Pemuda UMNO yang menuduhnya sebagai berkata demikian.

"Saya tidak berniat sama sekali menuduh sesiapa juga sebagai komunis tetapi bila ada nada-nada ucapan yang cuba merendahkan keesaan Allah, maka saya bimbang ianya bersamaan dengan ideologi komunis," ujar beliau lagi.

Serentak dengan itu, Haji Abdul Wahab mengesahkan beliau akan membuat aduan polis di Balai Polis Tapah sebagai persediaannya menghadapi aduan yang dibuat oleh Exco Pergerakan Pemuda UMNO.